

14/03/1997

Titan labur RM3b bina kompleks petrokimia

Saodi Mat Atar; Nadzim Ahmad Jamalludin

KUMPULAN Titan milik syarikat Taiwan yang terbabit dengan industri petrokimia akan melabur kira-kira RM3 bilion untuk mendirikan Kompleks Petrokimia Titan fasa kedua di kawasan perindustrian Tanjung Langsat, Johor. Fasa kedua pembinaan kompleks itu terletak di Pasir Gudang dan Tanjung Langsat yang akan dihubungkan dengan saluran paip. Ia akan menempatkan cracker kedua, kilang LLDPE dan kilang PP di Pasir Gudang manakala kilang polietilina kepadatan rendah (LDPE) akan ditempatkan di kawasan perindustrian Tanjung Langsat yang dibangunkan oleh Perbadanan Johor.

Menurut kenyataan dikeluarkan di Johor Bahru semalam, adalah dijangkakan, apabila fasa kedua itu siap dibina menjelang 1999, saiznya adalah dua kali ganda lebih besar daripada fasa pertama.

Buat masa ini fasa pertama Kompleks Petrokimia Titan mempunyai cracker naphtha LPG dan kilang yang mengeluarkan poliethilina dan polipropilina.

Kumpulan Titan akan memajak 40 hektar tanah manakala tambahan 20 hektar lagi daripada Perbadanan Johor.

Pembesaran itu akan memberi peluang kepada Titan untuk memaksimumkan potensi pasaran tempatan sebagai yang terbesar di Asia dengan menyediakan pertumbuhan industri hiliran, khususnya di dalam pembangunan infrastruktur dan pembinaan bangunan yang rancak di mana 'polimer ringan' memberikan banyak kelebihan jika digunakan.

"Pembesaran fasa dua Kompleks Petrokimia itu akan dibiayai melalui ekuiti baru dan pinjaman bank serta syarikat akan merancang untuk pengapungan saham awam di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Titan juga merancang memperuntukkan 25 peratus daripada sahamnya untuk langganan awam pada penghujung tahun ini atau awal tahun depan.

"Ia juga akan memberikan faedah kepada ekonomi Malaysia melalui pendapatan eksport, sumbangan jangka panjang dan imbalan pembayaran, menggalakkan industri hiliran serta menyediakan kepakaran teknologi termasuk pengenalan kepada program latihan dari Amerika Syarikat dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM)," kata kenyataan itu.

Semalam, Perbadanan Johor menandatangani perjanjian pembelian tanah perindustrian Tanjung Langsat dengan Kumpulan Titan yang akan melaksanakan fasa kedua kompleks petrokimianya di kawasan perindustrian itu.

Majlis menandatangani perjanjian pembelian tanah itu dilakukan Ketua Eksekutif Perbadanan Johor, Datuk Muhammad Ali Hashim bagi pihak Perbadanan Johor, manakala Kumpulan Titan diwakili Pengerusinya, T T Chao.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang dalam rangka lawatan dua hari ke Johor menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu. Turut hadir ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

(END)